

13 NOV 2003

PAS-Dokumen

HAPUS HAK ISTIMEWA MELAYU CERITA LAMA PAS, KATA DR HILMI

PULAU PINANG, 13 Nov (Bernama) -- Kesediaan PAS memansuhkan hak keistimewaan orang Melayu dalam perlembagaan sekiranya ia berjaya memerintah dan membentuk sebuah negara Islam ala parti pembangkang pasti menimbulkan kemarahan orang Melayu di negara ini, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya.

Beliau berkata masyarakat Melayu pasti akan bangun menentang parti berkenaan kerana sepatutnya mereka merancang bagaimana mahu membangunkan orang Melayu dan bukan membuang segala keistimewaan yang ada pada kaum itu.

Hak keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan sebenarnya bertujuan membantu orang Melayu atau bumiputera untuk bangun dan maju dalam pelbagai bidang dengan sokongan kerajaan, katanya ketika dihubungi di pejabatnya di sini hari ini.

Sehingga hari ini, orang Melayu masih belum begitu menguasai semua bidang dan mereka perlu terus mendapat sokongan dan bantuan itu, katanya ketika diminta mengulas kenyataan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada sidang akhbarinya selepas melancarkan Dokumen Negara Islam di Kuala Lumpur semalam.

Dr Hilmi yakin kesediaan PAS untuk berbuat demikian bertujuan menarik perhatian dan sokongan masyarakat bukan Melayu terhadap parti berkenaan menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Ini satu lagi gimik atau helah politik PAS untuk menawan hati orang bukan Melayu. Ini cerita lama... dulu kata nak buat negara Islam tapi sampai sekarang konsep negara Islam merekapun tak jelas. Sekarang nak hapuskan hak istimewa orang Melayu pula," katanya.

Dr Hilmi yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri untuk menubuhkan sebuah kerajaan memerlukan sokongan daripada semua kaum dan kini orang bukan Melayu juga telah masak dengan tipu muslihat dan pembohongan PAS.

Pengerusi MIC Negeri Datuk Dr K.Rajapathy pula yakin orang bukan Melayu tidak akan terpengaruh dan menyokong parti itu walaupun ia mungkin sedap didengari.

Beliau berkata, hasrat PAS untuk menubuhkan negara Islam serta beberapa perubahan yang dirancang pasti tidak akan berhasil atau menjadi kenyataan.

"Apabila tiba masanya kelak, mereka mungkin akan berkata perkara yang lain pula," katanya.

Beliau turut mempertikaikan kewibawaan PAS untuk meyakinkan masyarakat bukan Melayu dengan idea itu memandangkan PAS sendiri tidak dapat mempengaruhi DAP, rakan seperjuangannya dalam gabungan pembangkang, untuk dipercayai pendiriannya.

"Kawan lama dia (DAP) pun tidak percaya kepada mereka, bagaimana PAS mahu orang lain mempercayainya," katanya.

Bagaimanapun, cadangan PAS untuk menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu itu bukan sesuatu yang mengejutkan bagi Ketua Pembangkang di Dewan Undangan Negeri, Abdul Rahman Abdul Kadir.

Wakil Keadilan itu berkata, di zaman pemerintahan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, sistem meritokrasi diperkenalkan dalam sistem pendidikan bagi menggalakkan persaingan di antara kaum dan pemilihan memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Katanya, Dr Mahathir pernah berkata, selagi ada keistimewaan, orang Melayu tidak akan maju dan berjaya dan apa yang hendak dilakukan oleh PAS itu bukanlah sesuatu yang baru.

Bagaimanapun, apabila ditanya sama ada tindakan PAS itu lebih kepada gimik untuk pilihan raya umum akan datang, beliau berkata: "Semua akan buat gimik."

Di KUALA LUMPUR, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata keistimewaan orang Melayu telah diterima oleh kaum lain di negara ini dan sekiranya keistimewaan itu dihapuskan nasib kaum bumiputera akan menjadi lebih buruk.

"Kaum bukan bumiputera tetap mendapat nikmat daripada segi pembangunan negara malah daripada segi peningkatan kekayaan mereka lebih tinggi daripada bumiputera," katanya.

Katanya dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang ini lebih tepat dan adil bagi melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni dan percaya cadangan PAS itu tidak akan diterima oleh sebahagian besar masyarakat di negara ini.

Najib yang juga Naib Presiden Umno yakin kaum bukan bumiputera tidak akan menyokong cadangan PAS itu kerana mereka sudah selesai dengan dasar yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Di NEGERI SEMBILAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata pelancaran Dokumen Negara Islam semalam bukan kerana menegakkan negara Islam tetapi untuk tujuan politik.

"Apa yang dibuat oleh PAS ini, sebenarnya hanya bertujuan politik. Oleh sebab itu ia dikeluarkan sebelum pilihan raya umum.

"Pada pandangan saya, PAS melihat bahawa sokongan orang bukan Melayu kepada parti itu semakin berkurangan. Oleh sebab itu PAS terpaksa mainkan isu (negara Islam) ini semula untuk menarik umat Islam," katanya

Mohamed Isa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata beliau yakin itu merupakan usaha terakhir PAS untuk mempertahankan kerusi-kerusi mereka pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya percaya orang Islam dan bukan Islam di negara ini tidak akan percaya apa yang dibuat oleh PAS," katanya.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata kenyataan Abdul Hadi untuk memansuhkan hak keistimewaan orang Melayu dalam perlembagaan jika berjaya memerintah negara merupakan cara PAS untuk mendapatkan sokongan daripada golongan bukan Melayu.

"Terpulang kepada orang Melayu untuk berfikir, jika hak istimewa orang Melayu dihapuskan, bermakna tidak ada lagi Raja-raja Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan juga Islam sebagai agama rasmi kerana orang Melayu beragama Islam," katanya.

Beliau berkata apa yang dinyatakan oleh Hadi itu menunjukkan parti itu sudah hilang punca dan menyerahkan kepada orang Melayu untuk menentukan sama ada hak mereka akan terus dipelihara atau tidak di masa hadapan.

Mengenai Dokumen Negara Islam yang dilancarkan oleh PAS semalam, beliau berkata apa yang dinyatakan dalam dokumen itu telah dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional selama ini dan PAS hanya menggunakan nama Islam untuk mendapat sokongan daripada orang ramai.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata kenyataan Abdul Hadi untuk memansuhkan hak keistimewaan orang Melayu dalam perlembagaan jika berjaya memerintah negara merupakan cara PAS untuk mendapatkan sokongan daripada golongan bukan Melayu.

"Terpulang kepada orang Melayu untuk berfikir, jika hak istimewa orang Melayu dihapuskan, bermakna tidak ada lagi Raja-raja Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan juga Islam sebagai agama rasmi kerana orang Melayu beragama Islam," katanya.

Beliau berkata apa yang dinyatakan oleh Hadi itu menunjukkan parti itu sudah hilang punca dan menyerahkan kepada orang Melayu untuk menentukan sama ada hak mereka akan terus dipelihara atau tidak di masa hadapan.

Mengenai Dokumen Negara Islam yang dilancarkan oleh PAS semalam, beliau berkata apa yang dinyatakan dalam dokumen itu telah dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional selama ini dan PAS hanya menggunakan nama Islam untuk mendapat sokongan daripada orang ramai.

-- BERNAMA

SBS ROS